

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN**

Bil: (4) dlm.MDBG.(JKP).(S).400-5/6/23

Tarikh : 26 Januari 2023

NOTIS SEBUT HARGA

(NO SEBUT HARGA : 03/2023)


**SEBUT HARGA MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM,
BAJU KORPORAT DAN SELUAR POKET SISI UNTUK ANGGOTA MAJLIS DAERAH
BATU GAJAH BAGI TAHUN 2023**

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar GST/ tidak berdaftar GST serta mempunyai pendaftaran **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi menyertai sebut harga berikut:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KELAYAKAN KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
No. Sebut Harga: 03/2023 Perkara: Sebut Harga Mengukur, Menjahit Dan Membekal Pakaian Seragam, Baju Korporat Dan Seluar Poket Sisi Untuk Anggota Majlis Daerah Batu Gajah Bagi Tahun 2023	020801 Pakaian 020802 Kelengkapan Pakaian 222401 Menjahit Pakaian dan Kelengkapan	Tarikh Dijual: 30 Januari 2023 Waktu: 8.00 pagi hingga 4.30 petang (Isnin – Khamis) 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari & 2.45 petang hingga 4.30 petang (Jumaat)	Jabatan Khidmat Pengurusan, Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah Harga Dokumen: RM50.00	Tarikh Tutup: 07 Februari 2023 Jam: 12.00 tengahari

1. Dokumen sebut harga boleh diperolehi seperti butiran di atas dengan mengemukakan **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam kod bidang yang dinyatakan semasa pendaftaran.
2. Penyebutharga hendaklah memastikan bahawa Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan masih berkuatkuasa semasa menyertai sebut harga ini. Jika tempoh telah tamat pihak syarikat tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga.
3. Sekiranya penama tidak berdaftar dengan Majlis Daerah Batu Gajah dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat yang menunjukkan Kementerian Kewangan Malaysia Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan surat wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).

4. Penyebutharga dikehendaki melampirkan salinan resit bayaran pada setiap Dokumen Sebut Harga yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga.
5. Semua borang sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah diasingkan kepada dua sampul yang berasingan mengikut cadangan teknikal dan cadangan harga. Kedua-dua sampul hendaklah dimasukkan ke dalam satu bungkusan berlakri (*sealed*) dengan mencatatkan tajuk dan nombor sebut harga. Borang sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di **Jabatan Perbendaharaan, Aras Bawah, Majlis Daerah Batu Gajah**.
6. Syarikat yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
7. Majlis Daerah Batu Gajah tidak terikat untuk menerima dokumen sebut harga yang terendah sekali atau sebarang dokumen sebut harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam peti sebut harga setelah peti sebut harga dibuka.
8. Laman web www.mdbg.gov.my



(**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP**)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah,
Batu Gajah.

Tarikh : 25 JAN 2023

"PERAK SEJAHTERA 2030"